




## Sistem Pengurusan Projek UiTM Electronic Programme Management Office **UePMO**



# Latar Belakang

Sistem pemantauan **UiTM electronic Programme Management Office (UePMO)** merupakan satu sistem bersepadu yang telah dibangunkan pada tahun 2011 untuk memantau pencapaian perancangan strategik Universiti. Ianya dibangunkan bagi membantu dalam menguruskan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan *Vice Chancellor Special Project (VCSP)* dan projek inisiatif strategik Universiti, terutamanya dalam hal yang berikut:

- membantu Pengurus Projek **menyediakan pelan kerja yang terperinci** menggunakan **kaedah pengurusan projek (project management)**
- **mengemaskini maklumat pencapaian pelaksanaan projek** sekerap mungkin supaya tahap pencapaian dapat dilihat dan dipantau oleh *Person in Charge (PIC)*, yang terdiri daripada Pengarah Projek, Pengarah Peneraju dan juga Naib Canselor
- Pengarah Peneraju, Pengarah Projek serta Pengurus Projek juga dapat **memuatnaik dokumen-dokumen yang berkaitan dengan projek** tersebut ke dalam sistem agar ia dapat dikongsi bersama antara ahli kumpulan masing-masing.



Sistem UePMO ini menjadi *Single Point of Truth (SPOT)* bagi kesemua maklumat dan pelaporan status projek dan *Key Performance Index (KPI)* selain daripada ianya berasaskan web. Justeru, ianya boleh diakses di mana sahaja pada bila-bila masa.

Ia direkabentuk berdasarkan kepada amalan terbaik pengurusan projek merangkumi aspek pengurusan aktiviti dan penjadualan projek, pengurusan sumber, kos, risiko dan isu. Selain itu, UePMO menyediakan repositori bagi dokumen projek dan platform komunikasi kepada ahli projek serta kemudahan pelaporan.



## Sistem Pengurusan Projek

### TENAGA KERJA

2 Orang (1 PTM, 1 PPTM)

### INFORMASI UePMO

- 4 Modul Utama
- 12 Sub Modul
- 52 Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
(13 Kampus, 26 Fakulti, 13 Jabatan)
- 5 Kategori Pengguna  
*Pengarah Peneraju, Pengarah Program, Pengurus Projek, Ahli Projek, PMO*

### INFRASTRUKTUR UePMO

- Aplikasi:  
**Project Server, SharePoint, Datazen Enterprise, Office WebApp**
- Pangkalan Data:  
**MSSQL Server, RavenDB**


### Objektif, Modul, Fungsi & Teknologi



# OBJEKTIF

Berikut adalah objektif UePMO dibangunkan:

- Menyediakan platform **pengurusan dan pemantauan projek** (*Enterprise Project Management Solution*) yang menyeluruh.
- **Menambahbaik proses kerja** dalam pengurusan projek dan prestasi pencapaian universiti.
- Membolehkan sistem **diakses daripada pelbagai jenis peralat Internet** melalui pelbagai jenis peranti (*devices*) termasuk Windows Phone, Android Devices, iPhone dan iPad.
- **Menaik taraf infrastruktur** dan **penambahbaikan modul** sedia ada.
- **Perluasan skop proses** dan **data** merangkumi pengurusan projek Trans4U, Pelan Strategik Jabatan (RMKe11), Inisiatif Jaringan Kerjasama, Pelan Strategik IT Universiti dan lain-lain.
- Menyediakan **repositori induk secara berpusat** bagi maklumat projek dan inisiatif utama universiti.
- Mengurus dan memantau **aktiviti projek** secara efektif



# MODUL

Modul utama dalam Sistem UePMO Versi 3.0 terdiri daripada:

## 1. Modul RMKe11

- Merekodkan dokumen **perancangan strategik PTJ**.
- Mendaftarkan maklumat dan memantau inisiatif perancangan strategik setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).

## 2. Modul Trans4U

- Merekod dan memantau projek-projek di bawah **Program Transformasi Universiti(Trans4U)** menggunakan komponen Pengurusan Aktiviti dan Jadual Projek.

## 3. Modul UiTM Collaboration

- Modul ini menyimpan maklumat profil sesuatu **jaringan kerjasama antara UiTM dan organisasi lain**.
- Memantau aktiviti dan serahan yang dilaksanakan dibawah sesuatu jaringan industri.

## 4. Modul IT Pro

- Modul digunakan oleh Jabatan Infostruktur untuk mendaftar, menjadual, memantau dan pelaporan projek-projek IT yang dilaksanakan diperingkat jabatan.

# FUNGSI

UePMO mempunyai fungsi berikut:

## a. Pengurusan Acara & Pengumuman

Menyediakan fungsi mendaftar aktiviti dan membuat hebahan pengumuman kepada pengguna di halaman hadapan (*Master Page*).

## b. Pengurusan Projek

Semua modul utama UePMO mempunyai fungsi berikut

### a. Pengurusan Projek

Membuat penjadualan dan mendaftar aktiviti projek serta melengkapkan profil projek

### b. Pengurusan Sumber

Mendaftarkan sumber (*people, raw material and etc.*) secara berpusat untuk sesuatu projek.

### c. Pengurusan Risiko & Isu

Mendaftarkan risiko dan isu bagi sesuatu projek supaya dapat dipantau dan diambil tindakan.

### d. Pengurusan Dokumen

Repositori untuk memuatnaik dokumen berkaitan projek dan bahan bukti pencapaian PI.

### e. Calendaring

Kemudahan untuk mendaftar aktiviti lain berkaitan projek.

### f. Penjanaan Laporan

Kemudahan untuk menjana dan mencetak laporan.

## g. Pengurusan Metadata



Menempatkan semua maklumat parameter yang digunasama merentas modul utama UePMO.

## h. Pengurusan Petunjuk Prestasi/PI

Merekod maklumat PI yang akan dipetakan kepada projek bagi tujuan pengukuran pencapaian projek dan prestasi PTJ.

# TEKNOLOGI

Sistem ini dibangunkan berdasarkan kepada komponen berikut:



Untuk maklumat lanjut,  
sila hubungi pegawai berikut:  
Bahagian Transformasi Universiti (BTU)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Tel. : 03- 5544 3399  
Faks : 03- 5544 3321  
<https://proms.uitm.edu.my>

Sila imbas QR Code  
untuk mendapatkan maklumat terkini  
mengenai Jabatan Infostruktur



Pejabat  
Pembangunan  
Infrastruktur  
dan Infostruktur